

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: 02 Julai 2021 10:18
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Sultan Kedah Sempurna Majlis Pecah Tanah Dan Penamaan Kelab Golf Sultan Sallehuddin (KGSS) Secara Maya



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

2 JULAI 2021 / 22 ZULKAEDAH 1442H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee

Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

SULTAN KEDAH SEMPURNA MAJLIS PECAH TANAH DAN PENAMAAN KELAB GOLF SULTAN SALLEHUDDIN (KGSS) SECARA MAYA



UUM ONLINE: Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah, Sultan Kedah Darulaman, Tuanku Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM) telah berkenan menyempurnakan Majlis Pecah Tanah Projek Kelab Golf Sultan Sallehuddin (KGSS) UUM yang julung kali diadakan secara maya menerusi aplikasi Zoom dari Istana Kedah, Kuala Lumpur, semalam.

Baginda telah merasmikan Majlis Pecah Tanah Kelab Golf UUM dan perkenan menamakan kelab golf tersebut dengan nama Kelab Golf Sultan Sallehuddin (KGSS) Universiti Utara Malaysia.

Seterusnya, Tuanku Sultan Kedah dipersembahkan tayangan video montaj perasmian dan Baginda menzahirkan rasa kagum melihat reka bentuk bangunan baharu KGSS yang dikelilingi panorama hijau.

Sementara itu, Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani berkata, projek pembinaan bangunan baharu kelab golf ini akan melengkapkan prasarana padang golf 18 lubang di kampus UUM Sintok serta bakal menjadi tarikan baharu kepada pemain golf bukan sahaja di dalam negara, malah seluruh pelosok dunia.

Menurutnya, projek ini juga akan dapat menaikkan imej Akademi Golf Nasional UUM (UUM NGA) sebagai satu-satunya akademi yang ada dalam negara dan diiktiraf sebagai pusat kecemerlangan golf negara.

"Semoga Kelab Golf Sultan Sallehuddin (KGSS) UUM akan menjadi pemangkin kepada kemajuan serta kecemerlangan sukan golf di negeri Kedah khususnya dan Malaysia amnya," katanya.

Majlis diadakan secara maya seiring dengan arahan Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Kesihatan Malaysia bagi mengekang penularan wabak Covid-19.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.